

'Tiga batang gigi depan hilang'

B/H 19/7/12 MS 48

»Bukti jiwa kental Ramli julang negara

Oleh Nazri Abu Bakar
bhsukan@bharian.com.my

Bekerja di unit kenderaan MARA Jalan Raja Laut, Kuala Lumpur bukan halangan buat bekas penyerang bola sepak kebangsaan Ramli Junit membantu pasukan negara layak ke Sukan Olimpik Moscow 1980.

Dengan hampir kesemua pemain ketika itu termasuk Soh Chin Aun, Jamal Nasir, James Wong, Hassan Sani, Santokh Singh, R Arumugam dan Khalid Ali terikat dengan pekerjaan, mereka masih mampu meletakkan negara layak ke pentas Olimpik.

Menunggang motosikal buruk ke tempat kerja dan stadium menjadi rutin harian Ramli - namun tidak pernah mengeluh bahkan ketika bercuti di kampung, dia akan membantu ibu bapanya menoreh getah bagi menampung keperluan 11 adik beradik.

Perjuangan kental

Bekas pemain MARA dan PKNS itu mengakui penyertaan awal di liga enam dan tujuh sebelah anjuran Estet Sua Betong, Port Dickson membentuk asas bola sepaknya sebelum dilamar Negeri Sembilan, Selangor dan skuad kebangsaan.

Bergandingan dengan Allahyarham Mokhtar Dahari, mendiang R Arumugam, Santokh Singh, Abdullah Ali, Rashid Hassan (penjaga gol simpanan), dan Jamaludin Norbit menyaksikan Ramli meledak dua gol selepas ketinggalan 0-2 mem-



Ramli (berdiri kiri) bersama rakan sepasukan dalam skuad bola sepak kebangsaan era 70-an dan 80-an.

bantu Merah Kuning muncul juara Piala Malaysia 1978 berdepan Singapura.

Apapun perjuangan kental Ramli mewakili negara tetap meninggalkan 'parut' sebagai bukti dia beraksi bukan sambil lewa sepanjang pembabitannya bola sepaknya.

Buktinya, tiga batang gigi depan hilang ketika bertembung dengan pertahanan lawan di kejohanan Piala Presiden Korea.

Pulang ke kampung tidak bergigi antara peristiwa lucu yang dialami kerana dia bukan beraksi di gelanggang tinju tetapi sanggup menanggung risiko demi menggegar gawang lawan.

Hingga kini, perasaan sedih, kecewa masih terpalit di hati selepas skuad kebangsaan me-

narik diri daripada Olimpik Moscow kerana protes penaklukan Kesatuan Soviet ke atas Afghanistan pada 1980.

Akur keputusan kerajaan

"Kami sudah layak mengulangi sejarah 1972 Munich tetapi masih tidak berpeluang menjejak kaki di padang Olimpik. Ia perasaan yang teralalu sukar digambarkan, tetapi kami akur dengan keputusan kerajaan waktu itu," katanya.

Harapannya mahu menyaksikan pasukan negara mengulangi sejarah 1972 dan 1980 amat menebal tambahan melihat pembangunan bola sepak negara yang amat agresif berbanding era terdahulu.



" Kami sudah layak mengulangi sejarah 1972 Munich tetapi masih tidak berpeluang menjejak kaki di padang Olimpik "

Ramli Junit
Bekas pemain negara

PROFIL

Ramli Junit

- ◎ **Tarikh Lahir:** 20.12.1955
- ◎ **Sukan:** Bolasepak
- ◎ **Asal:** Linggi, Port Dickson, Negeri Sembilan
- ◎ **Isteri:** Jamaaih Yusoff
- ◎ **Anak:** Mohamad Syawal 28, Syafiq, 16
- ◎ **Jawatan sekarang:** Pegawai Penguatkuasa, Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah (MBMB)
- ◎ **Tempat tinggal:** Peringgit, Melaka
- ◎ **Adik Beradik:** anak ke 4 daripada 11 adik beradik
- ◎ **Ayah:** Allahyarham Junit Jawal
- ◎ **Ibu:** Allahyarmah Naghelah Sekat

Pencapaian

- ◎ **Piala Razak** Negeri Sembilan 1973-1975
- ◎ **Piala Emas** Raja-Raja dan **Piala Malaysia** Negeri Sembilan 1975-1976
- ◎ **Piala Malaysia** Selangor 1977-1980,
- ◎ **Piala Malaysia**, Melaka 1981-1989
- ◎ **Mewakili** Malaysia 1976-1980
- ◎ **Wakil** Negara di Kejohanan Piala Raja Thai, Piala Presiden Korea Selatan, Piala Asia Kuwait,
- ◎ **Piala** Pra Olimpik
- ◎ **Piala** belia Tehran dan Piala Kirin

Kerjaya jurulatih

- ◎ **Kerjaya** jurulatih Kursus kejurulatihan di Hannef, Jerman Barat, 1978
- ◎ **Jurulatih** Bawah 14, 16, 18, Piala Presiden Melaka, Sukan Malaysia (Sukma)
- ◎ **Liga** Umno Melaka
- ◎ **Jurulatih** kelab MBMB di liga FAM dan Kelab BIFA di Piala FAM.
- ◎ **Liga** semi Pro 1996
- ◎ **Liga** Perdana
- ◎ **Menyertai** kursus kejurulatihan di Hannef, Jerman Barat, 1978